



ENCIK Ujang Duaji, menunjukkan langkah silat ketika sembah pengantin



- 3 MAR 1989
G. Hanan (M)

LANGKAH silat pulut...

Permainan seni silat pulut perlu dikekalkan

Oleh
NORAINI ISMAIL

- 3 MAR 1989

SILAT PULUT, salah satu permainan tradisional yang digemari oleh anak muda pada masa lalu mungkin luput ditelan zaman, jika tidak diketengahkan oleh generasi muda.

S. Harian (M)

Kita tidak boleh menyalahkan generasi muda semata-mata jika banyak permainan tradisi mula dilupakan kerana suasana sekeliling bukan saja merobah kehidupan masyarakat, tetapi turut mencipta pelbagai jenis permainan baru.

Kalau dulu penduduk kampung terusik dengan tiupan seruling, paluan gendang, rebana yang mengiringi pancak silat, kini mereka dibuai dengan pelbagai rentak muzik dan mesin video yang boleh melalikan.

Jika generasi muda terus dihanutkan dengan permainan moden, mereka akan lupa permainan tradisi.

Kerana tidak mahu keadaan ini berlaku, seorang guru silat dari Kampung Sawah Raja, Rembau, Ujang Duaji, 60, menyatakan kesanggupannya untuk mengajar seni silat yang dianggap tertua di Negeri Sembilan.

Beliau sanggup pergi ke mana saja untuk mengajar kesenian silat itu kepada anak muda dan pelajar institusi pengajian tinggi.

Baginya, bukan bayaran yang jadi ukuran, tetapi kesenian itu perlu diperkembangkan.

Silat pulut biasanya dipersembahkan bersama tarian piring untuk sesuatu majlis perkahwinan. Tarian piring dipersembahkan ketika pengantin bersanding di atas rumah manakala silat pulut pula membuka gelanggang di hadapan pengantin yang sedang bersanding di tengah halaman rumah.

Permainan ini yang berasal dari Minangkabau mempunyai pelbagai peringkat persembahan. Persembahan untuk Raja lain daripada persembahan di hadapan Undang, begitu juga persembahan untuk Datuk Lembaga dan untuk pengantin.

"Perbezaannya ialah di segi sembah.

Untuk Raja, seseorang pesilat perlu membongkok dahulu sebelum meluru dengan melangkah pendek dan kemudian duduk bersilang lutut, tunduk mengangkat sembah beberapa kali sebelum memulakan permainan.

"Bagi persembahan di hadapan Undang, seseorang pesilat terpaksa menginsut datang menyembah. Kemudian tangan diletakkan ke bahagian kanan pinggang dan mengangkat sembah. Lepas itu tangan beralih ke kiri pinggang sebelum memulakan permainan.

"Persembahan untuk pengantin sembahnya dibuat empat penjurong sebelum permainan silat ini dimulakan," kata Pak Ujang.

Menurutnya, permainan silat pulut memerlukan kira-kira 12 orang. Ini termasuk mereka yang mengambil bahagian dalam tarian piring, memalu gong dan rebana serta pesilat.

Pak Ujang berkata, silat pulut dan tarian pulut adalah dua persembahan yang seiring.

Apabila pengantin dibawa turun ke halaman untuk diarak keliling rumah dan kemudian didudukkan di atas kerusi yang beralaskan tikar dan di depannya diletakkan pulut panca, persembahan silat pulut akan memeriahkan suasana.

Ketika hendak memulakan silat, pesilat mengangkat sembah dan dibalas oleh kedua mempelai itu.

Selepas permainan itu selesai, salah satu pulut panca akan diberikan kepada pesilat dan nama silat pulut diambil daripada peristiwa ini.

Pak Ujang berkata, beliau belajar silat untuk keperluan diri dan akan digunakan apabila terdesak, bak kata orang tua 'tayah sedepa jadi sehasta, dari sehasta jadi sejengkal - habis beras sumpit digulung'.

Beliau berkata, keunikan silat ini berbanding silat lain ialah di segi sembahnya. Ia mempunyai sopan santun dan ciri-ciri ini tidak ada dalam persembahan silat yang muncul kebelakangan ini.

